

23 MAY 2003

SARAWAK-PEMBUATAN

SARAWAK TUMPU KEPADA INDUSTRI TEKNOLOGI TINGGI DAN "BIO TECH"

KUCHING, 23 Mei (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak akan memberi tumpuan kepada industri berteknologi tinggi dan "Bio Tech" sebagai peneraju sektor pembuatan Sarawak, kata Menteri Mudanya Datuk Awang Ali Hasan.

Beliau berkata beberapa perubahan asas struktur ekonomi telah dikenal pasti walaupun industri berasaskan sumber asli masih lagi merupakan peneraju kepada sektor itu.

"Langkah itu amat penting memandangkan simpanan sumber asli yang semakin merosot," katanya ketika meraikan lawatan rombongan 25 anggota anjuran Jawatankuasa Pembangunan Perindustrian, Sains dan Teknologi Melaka di sini malam tadi.

Beliau berkata kementerianya akan terus berusaha lebih gigih untuk menarik pelabur-pelabur asing supaya menanam modal di Sarawak di samping usaha-usaha untuk menyediakan infrastruktur, sumber manusia berkemahiran tinggi, industri sokongan serta insentif tambahan.

Katanya industri petrokimia dan berasaskan kayu merupakan penyumbang utama kepada jumlah pelaburan dalam sektor pembuatan negeri, dengan sebanyak RM7.3 bilion diluluskan dalam sub-sektor petroleum, gas dan produk berkaitan di antara 1996-2002.

Dalam sub-sektor industri berasaskan kayu, 380 projek telah diluluskan dengan nilai pelaburan berjumlah RM2.27 bilion, katanya.

Beliau berkata sebanyak 27 projek perindustrian berasaskan kayu telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM120 juta pada tahun lepas.

Bagi loji MLNG bernilai RM16.6 bilion di Bintulu, Awang Tengah berkata ia menyumbang sebanyak RM12.8 bilion atau 3.6 peratus kepada pendapatan eksport negara pada tahun lepas.

Kompleks LNG Petronas, yang menempatkan tiga loji itu, dibuka oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Mei 8 tahun ini.

"Kita (kementerian) sedar bahawa dari segi penglibatan, Sarawak agak ketinggalan berbanding rakan-rakan di Semenanjung, namun demikian ini bukanlah penghalang malah ianya merupakan pendorong kepada kementerian saya untuk berusaha lebih gigih di samping belajar daripada pengalaman mereka," katanya.

Beliau bercadang supaya pihak Sarawak dan Melaka membuat satu kajian tentang bidang atau sektor yang boleh diterokai bersama. -- BERNAMA

CJ OS